

## KEMPEN INSENTIF CSR “CALTEX REWARDS”

### TERMA & SYARAT KEMPEN INSENTIF CSR “CALTEX REWARDS”

**(DIKEMAS KINI PADA 04 OKTOBER 2023)**

PENTING: SILA BACA TERMA DAN SYARAT INI (“TERMA DAN SYARAT”) SEBELUM MENYERTAI KEMPEN INI. INI ADALAH PERJANJIAN YANG MENGIKAT SECARA SAH DI ANTARA ANDA DAN CHEVRON MALAYSIA LIMITED YANG MENENTUKAN TERMA DAN SYARAT YANG ANDA LAYAK UNTUK MENYERTAI KEMPEN INI. DENGAN MENYERTAI KEMPEN INI, ANDA MENGESAHKAN BAHAWA ANDA TELAH MEMBACA DAN MEMAHAMI, DAN BERSETUJU UNTUK MEMATUHI, TERMA DAN SYARAT INI.

1. Penganjur
  - 1.1 Kempen Insentif CSR “Caltex Rewards” (“Kempen”) dianjurkan oleh Chevron Malaysia Limited (“Chevron” atau “Penganjur”) melalui Penyelaras Projek - IINFIN SME Sdn Bhd (“IINFIN”).
2. Kelayakan
  - 2.1. Syarat Kelayakan Am
    - 2.1.1. Semua pendaftaran ahli Caltex Rewards mesti dibuat antara 1 Ogos 2023 dan 31 Disember 2023 (“Tempoh Kempen”);
    - 2.1.2. Semua Stesen Caltex yang telah berdaftar sebagai Rakan Niaga Caltex secara rasmi semasa tempoh Kempen di Malaysia;
    - 2.1.3. Hanya pendaftaran Caltex Rewards yang diperolehi melalui penggunaan salah satu Kod QR unik stesen masing-masing yang membawa kepada laman web Caltex Malaysia ATAU aplikasi CaltexGO di Apple App Store dan Google Play Store dikira untuk kempen ini;
    - 2.1.4. Semua ahli Caltex Rewards yang berdaftar mestilah ahli yang baru berdaftar yang diperolehi dari laman web Caltex Malaysia ATAU aplikasi CaltexGO semasa tempoh Kempen;
    - 2.1.5. Semua Stesen Caltex mesti mencapai Sasaran “BASE” yang ditetapkan oleh Chevron dalam Klausa 3.4 sebelum layak untuk sebarang Hadiah Kempen (secara kolektif sebagai “Stesen yang Layak”).
  - 2.2. Tidak layak
    - 2.2.1. Organisasi dan individu berikut tidak layak untuk menyertai Kempen ini:
      - 2.2.1.1. Semua organisasi yang tidak berdaftar sebagai Rakan Niaga Caltex secara rasmi di Malaysia.
      - 2.2.1.2. Organisasi sokongan seperti Pemasar Berjenama.
      - 2.2.1.3. Stesen Caltex / Rakan Niaga Caltex yang telah meninggalkan rangkaian Caltex Malaysia semasa atau selepas Tempoh Kempen.
3. Butiran Kempen
  - 3.1. Semua Stesen yang Layak dan kakitangan mereka akan menggalakkan pelanggan untuk mengimbas salah satu Kod QR Caltex Rewards unik Stesen mereka di mana mereka dikehendaki mendaftar untuk keahlian Caltex Rewards di laman web Caltex Malaysia ATAU melalui aplikasi CaltexGO. Pelanggan perlu mendaftar sebagai ahli Caltex Rewards baharu (“Penyertaan yang Layak”).
  - 3.2. Chevron akan memantau semua pendaftaran Caltex Rewards secara dwi-bulanan.
  - 3.3. Stesen akan dikumpulkan berasaskan kawasan berikut:-
    - 3.3.1. Utara 1 - Perlis, Kedah
    - 3.3.2. Utara 2 - Pulau Pinang, Perak
    - 3.3.3. Tengah - Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Sembilan
    - 3.3.4. Pantai Timur - Kelantan, Terengganu, Pahang
    - 3.3.5. Selatan - Johor, Melaka
  - 3.4. Sasaran “BASE” minimum bagi Penyertaan yang Layak bagi setiap Stesen Caltex untuk layak menerima Hadiah Cabutan Bertuah Bonus Bulanan dan Hadiah Kempen Keseluruhan adalah seperti berikut:-
    - 3.4.1. Utara 1 290(sebulan) | 1450(keseluruhan)
    - 3.4.2. Utara 2 250(sebulan) | 1250(keseluruhan)
    - 3.4.3. Tengah 300(sebulan) | 1500(keseluruhan)

## KEMPEN INSENTIF CSR “CALTEX REWARDS”

- 3.4.4. Pantai Timur 300(sebulan) | 1500(keseluruhan)
- 3.4.5. Selatan 350(sebulan) | 1750(keseluruhan)
- 3.5. Sasaran “STRETCH” ahli Caltex Rewards baharu untuk layak menerima Hadiah Kempen Bonus adalah seperti berikut:-
  - 3.5.1. Utara 1 1850(keseluruhan)
  - 3.5.2. Utara 2 1600(keseluruhan)
  - 3.5.3. Tengah 1950(keseluruhan)
  - 3.5.4. Pantai Timur 1950(keseluruhan)
  - 3.5.5. Selatan 2250(keseluruhan)
- 3.6. Hadiah Kempen (“Hadiah”) adalah seperti berikut:-
  - 3.6.1. Hadiah Kempen Keseluruhan untuk Sasaran “BASE” bagi setiap kawasan:-**
    - 3.6.1.1. Hadiah Pertama - RM5,000 (x1) dalam bentuk wang tunai
    - 3.6.1.2. Hadiah Ke-2 - RM4,000 (x1) dalam bentuk wang tunai
    - 3.6.1.3. Hadiah Ke-3 - RM3,000 (x1) dalam bentuk wang tunai
    - 3.6.1.4. Hadiah Ke-4 - RM2,000 (x1) dalam bentuk wang tunai
    - 3.6.1.5. Hadiah Ke-5 - RM1,000 (x1) dalam bentuk wang tunai
    - 3.6.1.6. Stesen Caltex yang menang dengan ini bersetuju bahawa wang hadiah akan diagihkan sama rata di kalangan semua krew stesen, sepenuh masa atau sambilan, sebagai sebahagian daripada keperluan tadbir urus korporat Chevron.
    - 3.6.1.7. Wang hadiah akan dikreditkan ke akaun stesen masing-masing.
  - 3.6.2. Hadiah Kempen Bonus untuk Sasaran “STRETCH” bagi setiap kawasan:-**
    - 3.6.2.1. Pengurusan Stesen (Pengurus Stesen atau setaraf) - Apple iPad (x1)
    - 3.6.2.2. CSR Stesen (pemilihan krew oleh Pengurusan Stesen berdasarkan ukuran prestasi) - Apple iPad (x1)
    - 3.6.2.3. Stesen Caltex yang menang dengan ini bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, setiap Stesen yang menang akan memberikan secara bertulis nama penuh dan nombor NRIC / Pasport pemenang kepada Chevron mengikut Klausula 4.3 dan 5, sebagai sebahagian daripada keperluan tadbir urus korporat Chevron.
  - 3.6.3. Hadiah Cabutan Bertuah Bonus Bulanan:-**
    - 3.6.3.1. Baucar KFC bernilai RM200 bagi setiap stesen (sehingga 10 stesen) untuk parti krew stesen.
    - 3.6.3.2. Stesen Caltex yang menang dengan ini bersetuju bahawa akan memberikan gambar dan/atau video parti KFC krew stesen tersebut, sebagai sebahagian daripada keperluan tadbir urus korporat Chevron.
  - 3.6.4. Chevron berhak untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan hadiah yang sama nilai pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak mereka tanpa notis terlebih dahulu dan semua Hadiah tidak boleh dipindah milik ke entiti lain dan sama sekali tidak boleh dirunding.
  - 3.6.5. Semua Hadiah diberikan atas dasar "Sebagaimana Ada" dan tidak boleh ditukar, dipindah milik, sebahagian atau sepenuhnya.
- 3.7. Pemilihan pemenang Hadiah adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:-
  - 3.7.1. Hadiah Kempen Keseluruhan untuk Sasaran “BASE” bagi setiap kawasan:-**
    - 3.7.1.1. Stesen yang Layak perlu memenuhi Sasaran minimum “BASE” kawasan mereka bagi Tempoh Kempen untuk layak.
    - 3.7.1.2. Stesen dengan Penyertaan yang Layak tertinggi akan diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah Pertama, diikuti dengan jumlah Penyertaan yang Layak kedua tertinggi sebagai pemenang Hadiah ke-2 dan seterusnya.
  - 3.7.2. Hadiah Kempen Keseluruhan untuk Sasaran “STRETCH” bagi setiap kawasan:-**
    - 3.7.2.1. Pemenang Hadiah Pertama bagi Hadiah Kempen Keseluruhan setiap kawasan akan diisytiharkan sebagai pemenang Sasaran “STRETCH” hanya apabila pemenang stesen mencapai Sasaran “STRETCH” yang ditetapkan bagi kawasan mereka.
  - 3.7.3. Hadiah Cabutan Bertuah Bonus Bulanan:-**

## KEMPEN INSENTIF CSR “CALTEX REWARDS”

- 3.7.3.1. Stesen perlu memenuhi Sasaran minimum “BASE” kawasan mereka untuk bulan kalendar untuk layak menyertai Cabutan Bertuah Bonus Bulanan tersebut.
    - 3.7.3.2. Setelah mencapai Sasaran minimum “BASE” kawasan mereka untuk bulan kalendar, stesen-stesen akan diletakkan bersama dalam senarai cabutan bertuah dan diberikan nombor berurutan.
    - 3.7.3.3. Nombor urutan akan diletakkan dalam aplikasi rawak dan stesen pemenang Cabutan Bertuah Bonus Bulanan akan dipilih oleh aplikasi dan disaksikan oleh wakil Chevron.
  - 3.8. Sekiranya berlaku seri untuk mana-mana kedudukan bagi Hadiah Kempen Keseluruhan, kedudukan pemenang akan diputuskan berdasarkan stesen yang telah mencapai jumlah Sasaran “BASE” Bulanan terbanyak. Di mana kedua-dua stesen juga mencapai jumlah Sasaran “BASE” Bulanan yang sama, maka kedua-dua stesen berkongsi Hadiah untuk kedudukan yang menang dan kedudukan berikutnya. Sebagai contoh, jika terdapat seri di kedudukan ketiga dan kedua-dua stesen juga mencapai lima Sasaran “BASE” Bulanan, maka kedua-dua stesen akan berkongsi Hadiah ke-3 dan ke-4 secara sama rata.
  - 3.9. Proses Pengumuman Pemenang dan Penyampaian Hadiah
    - 3.9.1. Hadiah Kempen Keseluruhan untuk Sasaran “BASE” dan “STRETCH”**
      - 3.9.1.1. Setelah Chevron mengesahkan pemenang Kempen Keseluruhan pada akhir Kempen, Chevron akan menghantar e-mel ke stesen pemenang.
      - 3.9.1.2. Pemenang juga akan diumumkan melalui laman Caltex Retail Buzz.
      - 3.9.1.3. RBC atau BMBC stesen pemenang akan diberikan hadiah “mock” dan hadiah sebenar untuk penyampaian hadiah di stesen.
    - 3.9.2. Hadiah Cabutan Bertuah Bonus Bulanan:-**
      - 3.9.2.1. Setelah Chevron mengesahkan stesen pemenang selepas setiap Cabutan Bertuah Bulanan, Chevron akan menghantar e-mel ke stesen yang menang.
      - 3.9.2.2. Pemenang Cabutan Bertuah Bulanan juga akan diumumkan melalui laman Caltex Retail Buzz.
      - 3.9.2.3. IINFIN akan menghantar baucar KFC kepada Rakan Niaga atau Pengurus Stesen yang menang.
  - 3.10. Sokongan Kempen diberikan kepada semua Stesen Caltex melalui saluran berikut:-
    - 3.10.1. **Sokongan Suara / Telefon** - Stesen boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Caltex Malaysia di talian 1800 88 3188
    - 3.10.2. **Sokongan WhatsApp (Mesej Sahaja)** - Stesen-stesen boleh menghubungi Penyelaras Projek di Talian Sokongan Kempen Caltex Rewards (**WhatsApp # 6011-5888 4181**) berdasarkan masa/hari bekerja berikut:- 9 pagi - 5 petang, Isnin hingga Jumaat, kecuali hujung minggu & Cuti Umum sepanjang tempoh kempen. Sekiranya ada, penyelaras akan memberikan maklumat yang tersedia. Pertanyaan lain akan diajukan kepada Jabatan Pemasaran untuk mendapatkan informasi.
    - 3.10.3. Semua maklumat dan kemas kini Kempen, termasuk pengumuman pemenang, akan diterbitkan di laman Caltex Retail Buzz ([www.retailbuzz.com.my](http://www.retailbuzz.com.my))
  - 3.11. Chevron berhak untuk membatalkan Hadiah mana-mana pemenang yang tidak mematuhi Terma dan Syarat Kempen.
  - 3.12. Chevron, wakil dan/atau ejen mereka (termasuk ejen pengiklanan dan ejen pengurusan peraduan) tidak akan bertanggungjawab terhadap kegagalan penghantaran Hadiah atau kerosakan yang disebabkan semasa proses penghantaran. Tiada penggantian dan/atau pertukaran Hadiah akan dilayan.
  - 3.13. Semua Hadiah diterima sepenuhnya atas risiko pemenang, dan Penganjur mengecualikan semua jaminan berkaitan dengan mana-mana Hadiah setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.
4. Terma dan Syarat Umum
  - 4.1. **NOTA PENTING:** Sebarang komunikasi kepada Stesen yang Layak dalam Kempen ini tidak akan mengandungi sebarang permintaan untuk mendedahkan butiran kewangan, kad kredit atau akaun bank. Jika ada keraguan, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan

## KEMPEN INSENTIF CSR “CALTEX REWARDS”

- (CSC) Chevron di 1800-88-3188 untuk mengesahkan kesahihan komunikasi.
- 4.2. Semua perbelanjaan pengangkutan, penginapan, kos peribadi, yuran dan/atau perbelanjaan berkaitan untuk menyertai Kempen ini dan menebus Hadiah adalah tanggungjawab Stesen yang Layak.
  - 4.3. Dengan menyertai Kempen ini, Stesen yang Layak secara nyata bersetuju dan memberi kebenaran untuk:
    - 4.3.1. terikat dengan terma dan syarat serta keputusan Chevron mengenai Kempen ini;
    - 4.3.2. memberikan kepada Chevron dan IINFIN dan agensi pengiklanan atau media yang diberi kuasa semua persetujuan dan penepian yang diperlukan untuk nama, persamaan dan data peribadi Stesen yang Layak, yang dihasilkan daripada Kempen ini untuk digunakan bagi tujuan publisiti, pemasaran dan pengiklanan di seluruh dunia, tanpa had dan tanpa pampasan, dalam apa-apa cara sekalipun di mana-mana bahagian dunia sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Chevron atau IINFIN mengikut budi bicara mutlaknya;
    - 4.3.3. membenarkan Chevron dan IINFIN untuk mendedahkan kepada mana-mana pihak ketiga data peribadi Stesen yang Layak untuk sebarang dan semua tujuan berhubung dengan Kempen ini dan/atau sebarang aktiviti perniagaan lain yang berkaitan;
    - 4.3.4. memastikan tidak berbahaya dan menanggung rugi Chevron dan IINFIN daripada sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami semasa penghantaran Hadiah.
  - 4.4. Rekod penyertaan yang disimpan oleh IINFIN adalah muktamad dan konklusif.
  - 4.5. Keputusan Chevron mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat dan ia tidak diwajibkan untuk memberikan sebarang sebab atau membuat sebarang surat-menyurat dengan mana-mana individu mengenai apa-apa perkara mengenai Kempen ini.
  - 4.6. Chevron berhak untuk membatalkan Penyertaan yang Layak jika Stesen yang Layak tidak mematuhi mana-mana terma dan syarat di sini.
  - 4.7. Terma dan syarat ini akan ditadbir oleh undang-undang Malaysia, dan Stesen yang Layak akan dianggap telah bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
  - 4.8. Chevron berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk menukar, mengubah, memadam atau menambah mana-mana terma dan syarat ini tanpa notis terlebih dahulu.
  - 4.9. Chevron, syarikat gabungannya, induk, anak syarikat, agensi pengiklanan dan promosi, dan semua pegawai, pengarah, pekerja, wakil dan ejen masing-masing tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kecederaan peribadi atau kemalangan atau kerosakan harta benda yang disebabkan oleh penyertaan Stesen yang Layak dalam Kempen ini (termasuk kecuaiannya) dan akan menanggung rugi terhadap sebarang kecederaan, kehilangan atau kerosakan dalam apa jua bentuk kepada mana-mana individu, termasuk kematian, atau harta benda, yang mengakibatkan keseluruhan atau sebahagian, secara langsung atau tidak langsung, daripada penyertaan Stesen yang Layak dalam Kempen ini (termasuk kecuaiannya).
  - 4.10. Jumlah liabiliti agregat oleh Chevron dan Rakan Bersekutu, setakat yang tidak dikecualikan oleh Klausula 4.9, hendaklah dihadkan kepada RM100 sahaja.
  - 4.11. Terma dan Syarat ini, seperti yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa, akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi lain atau pengiklanan Kempen ini.
  - 4.12. Chevron berhak untuk membatalkan, menamatkan, menggantung atau menggantikan Kempen ini (atau mana-mana bahagian daripadanya) dengan atau tanpa sebarang notis terlebih dahulu dan tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang tuntutan atau pampasan berkenaan dengan pembatalan, penamatan, penggantungan atau penggantian tersebut.
5. Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“PDPA”):
    - 5.1. Dengan menyertai Kempen ini, semua Stesen yang Layak bersetuju dengan penggunaan Data Peribadi mereka oleh Chevron bagi menjalankan Kempen ini, untuk sebarang publisiti Kempen dalam sebarang bentuk dan melalui mana-mana media,

## KEMPEN INSENTIF CSR “CALTEX REWARDS”

dan untuk menerima notis mengenai promosi dan kempen pemasaran akan datang oleh Chevron.

- 5.2. Stesen yang Layak mengakui bahawa IINFIN dan Chevron diberi kuasa untuk memproses data peribadi mereka yang diberikan menurut Kempen ini selaras dengan dasar privasi data masing-masing. Untuk dasar privasi data Chevron, sila rujuk <https://www.caltex.com/my/privacy-statement-and-personal-data-protection.html>
- 5.3. Sebarang kegagalan oleh Stesen yang Layak untuk mendedahkan data peribadi yang diperlukan boleh mengakibatkan kehilangan kelayakan daripada Kempen.